

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN
BIN HAJI HAMZAH [KUBANG PASU]**

SOALAN

DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH [KUBANG PASU] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini dan kini pendirian Kerajaan Perikatan Nasional terhadap 'Comprehensive and Progressive for Trans-Pacific Partnership' (CPTPP) dengan mengambil kira yang Amerika Syarikat sudah menarik diri dari menyertai perjanjian ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Walaupun Amerika Syarikat telah menarik diri daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), 11 negara anggota TPP yang lain termasuk Malaysia telah merunding dan seterusnya menandatangani Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik, atau dengan izin, *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) pada 8 Mac 2018. Perjanjian ini telah mula dikuatkuasakan pada 30 Disember 2018 bagi negara Australia, Kanada, Jepun, Mexico, New Zealand, dan Singapura manakala bagi negara Vietnam, tarikh kuatkuasa adalah pada 14 Januari 2019.

2. Empat (4) negara anggota lagi iaitu Brunei Darussalam, Chile, Malaysia dan Peru masih belum lagi melengkapkan proses ratifikasi, sekaligus tidak dapat melaksanakan komitmen-komitmen di bawah Perjanjian CPTPP atau menikmati segala manfaat dari Perjanjian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada 5 September 2018 telah membuat keputusan untuk meratifikasikan Perjanjian CPTPP, tetapi tidak menetapkan sebarang tarikh bagi Malaysia untuk meratifikasikan Perjanjian ini.

4. Pada masa ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Jabatan Peguam Negara dan Kementerian-kementerian terlibat masih meneruskan sesi libat urus bagi mendapatkan maklumbalas daripada pihak berkepentingan (*stakeholders*) yang berkaitan dan juga impak pelaksanaan perjanjian ini.

5. Sebagai sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa, penglibatan Malaysia dalam perjanjian-perjanjian perdagangan bebas (FTA) telah berjaya memperkukuhkan lagi eksport Malaysia, dan pada masa yang sama meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat tempatan. Pada tahun 2019, sejumlah 66.7 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia adalah dengan rakan-rakan dagang FTA melalui tujuh (7) perjanjian perdagangan bebas dua hala dan tujuh (7) perjanjian di peringkat serantau. Bagi memastikan Malaysia terus mendapat manfaat daripada FTA yang ditandatangani, sebarang keputusan yang bakal dibuat oleh Kerajaan, termasuk keputusan meratifikasi Perjanjian CPTPP, kepentingan negara dan rakyat akan diutamakan di samping memastikan kelangsungan dan daya saing syarikat-syarikat tempatan di persada antarabangsa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' IR HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH
[KUBANG PASU]**

SOALAN

DATO' IR HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH [KUBANG PASU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memperincikan semua aset dan liabiliti 1MDB termasuk anak-anak syarikat yang belum dan sudah dipindah milik kepada Kementerian Kewangan serta pihak akauntan bertauliah mana yang digunakan untuk tujuan tersebut .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana umum sedia maklum, Laporan Akhir Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengenai Kawalan Pengurusan Urus Tadbir Syarikat 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang dikeluarkan pada 7 April 2016 antara lain telah mengesyorkan supaya anak-anak syarikat dan aset milik 1MDB iaitu Tun Razak Exchange (TRX), Bandar Malaysia, tanah seluas 234 ekar di Ayer Itam, Pulau Pinang dan tanah seluas 318.42 ekar di Pulau Indah, Klang diserahkan kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) supaya dapat dikawal selia dan diuruskan dengan lebih rapi dan teliti.

2. Sehingga kini, 1MDB telah melupuskan tiga aset utamanya iaitu tanah pembangunan TRX, tanah pembangunan Bandar Malaysia dan tanah di Ayer Itam manakala tanah di Pulau Indah masih menjadi milik 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua,

3. 1MDB telah melantik Parker Randall sebagai juruaudit untuk melaksanakan pengauditan ke atas penyata kewangan syarikat termasuk aset dan liabilitinya. Namun demikian, laporan penyata kewangan beraudit yang terkini masih belum dapat dimuktamadkan kerana juruaudit yang lama iaitu KPMG (tahun 2010, 2011 dan 2012) dan Deloitte (tahun 2013 dan 2014) telah menarik balik laporan dan pandangan mereka terhadap penyata kewangan syarikat.

Sekian, terima kasih.